

09 FEB 1998

MAJLIS BURUH SARAWAK PUJI LANGKAH TUBUH TABUNG SIMPANAN

KUCHING, 9 Feb (Bernama) -- Majlis Buruh Sarawak menyambut baik langkah kerajaan persekutuan menubuhkan sebuah badan bagi menerima derma dan sumbangan daripada rakyat Malaysia untuk meningkatkan rizab negara.

Presiden majlis berkenaan, Encik William Ghani Bina hari ini berkata langkah itu merupakan langkah bijak dan sepatutnya mendapat sokongan orang ramai untuk memulihkan negara daripada kegawatan ekonomi.

Bagaimanapun, Ghani yang juga pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Cawangan Sarawak berkata kerajaan mestilah telus dan memastikan wujudnya elemen pertanggungjawaban dalam tabung itu dengan menyiarkan melalui media massa mengenai jumlah yang dikumpulkan dari semasa ke semasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat pengumuman mengenai penubuhan badan itu semalam berkata sumbangan sukarela kepada tabung itu boleh dibuat dalam pelbagai bentuk termasuk harta benda, barangan, barang kemas dan wang tunai.

Ghani berkata penubuhan tabung itu tidak patut dilihat sebagai petanda kelemahan asas ekonomi negara tetapi sebagai mekanisme tambahan untuk mengurangkan kesan akibat kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Beliau meminta syarikat antarabangsa yang berjaya di negara ini menyumbang kepada tabung itu sebagai tanda penghargaan selepas mendapat keuntungan besar daripada ekonomi negara selama ini. -- BERNAMA

OPP NN NMO